

Headline	JPNP pantau pembersihan hutan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	15 Sep 2021	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Nasional	Page No	23
ArticleSize	368 cm ²	Journalist	Oleh NIK AMIRUL MU'MIN
PR Value	RM 23,405		



JPNP pantau pembersihan hutan

Siasatan mendapati isu pembalakan libatkan kawasan bersatus tanah milik

Oleh NIK AMIRUL MU'MIN NIK MIN

BENTONG

Aktiviti pembalakan di Bentong yang tular di laman sosial sejak awal September lalu tidak melibatkan kawasan Hutan Simpan Kekal (HKL) Lentang seperti didakwa, sebaliknya berlaku dalam kawasan lesen pemersihan hutan bersatus tanah milik.

Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) dalam satu kenyataan berkata, kawasan seluas 3.59 hektar itu adalah kawasan yang pernah ditularkan dalam isu pencemaran air Sungai Kenoi penghujung tahun lalu.

Menurut JPNP, aktiviti pembalakan di kawasan berkenaan telah dihentikan sementara sebelum ini untuk semakan dan siasatan lanjut.

“Bagaimanapun, kelulusan telah di-

berikan kepada pihak pelesen untuk memulakan kerja pada 15 Julai lalu dan permit jalan melalui Hutan Simpan Lentang serta permit matau kepada pelesen.

“Ia susulan permohonan yang dibuat pihak berkenaan bagi menyambung semula lesen dan permit jalan menggunakan jalan lama kawasan bekas lesen Projek Talian Penghantaran Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang terletak dalam kawasan Hutan Simpan Lentang,” menurut kenyataan itu pada Selasa.

Tambah kenyataan itu, pelesen telah menggunakan tanah Lesen Pendudukan Sementara (LPS) seluas 1.6 hektar (seperti gambar papan tanda yang telah ditularkan) bersebelahan kawasan lesen sebagai matau sementara.

“Sebelum itu, Pejabat Daerah dan Tanah Bentong memaklumkan lesen LPS tersebut telah tamat tempoh.

“Namun, hasil semakan lanjut mendapati pelesen telah membuat bayaran untuk menyambung semula tempoh lesen tersebut berdasarkan resit yang dikemukakan kepada Pejabat Hutan Daerah Bentong,” menurut JPNP.

Hasil pemantauan mendapati bebe-

rapa longgok tual balak dari kawasan lesen telah disusun di matau sementara dan di matau utama, namun kerja-kerja pengeluaran balak belum dilaksanakan.

“Kita dapat piyah pelesen telah mematuhi spesifikasi jalan hutan yang ditetapkan, namun ada beberapa perkara yang perlulah diberi penambahbaikan.

“Ia termasuk berkaitan jambatan dan pembetung bagi lintasan alur air sungai sementara bagi mengelak berlaku pencemaran air di kawasan itu,” katanya.

Menurut kenyataan itu lagi, JPNP telah mengeluarkan arahan bagi kerja-kerja pembetungan dan melakukan pemantauan rapi bagi memastikan pelesen segera melaksana dan menyelenggarakan jalan pengeluaran dengan lebih kerap.

“Secara keseluruhannya, JPNP mendapati pelesen tidak melakukan sebarang kesalahan hutan yang melibatkan jalan pengeluaran dan kawasan lesen.

“Namun, selepas mengambil kira beberapa faktor lain dan kepentingan awam, JPNP memutuskan untuk membatalkan lesen pemindahan (Borang 5) bagi kawasan lesen tersebut berkuat kuasa serta-merta,” menurut kenyataan tersebut.



Aktiviti pembalakan yang ditularkan pengguna laman Facebook mendakwa berlaku dalam kawasan Hutan Simpan Lentang, Bentong baru-baru ini.